



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## MEROKOK DALAM KAMPUS: ANCAMAN DAN KESALAHAN

### *ON-CAMPUS SMOKING: DANGERS AND OFFENCES*

Farihana Abdul Razak<sup>1</sup>, Mohd Azian Zaidi<sup>2\*</sup>, Amin Che Ahmat<sup>3</sup>, Iza Faradiba Mohd Patel<sup>4</sup>

- <sup>1</sup> Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia.  
Email: farihana@uitm.edu.my
- <sup>2</sup> Program Ukur Bangunan, Jabatan Alam Bina & Teknologi, Kolej Alam Bina, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar, 32610, Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.  
Email: mohda763@uitm.edu.my
- <sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia.  
Email: amin132@uitm.edu.my
- <sup>4</sup> Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar, 32610, Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.  
Email: izafa325@uitm.edu.my
- \* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 20.07.2023  
Revised date: 16.08.2023  
Accepted date: 06.09.2023  
Published date: 20.09.2023

##### To cite this document:

Razak, F. A., Zaidi, M. A., Ahmat, A. C., & Patel, I. F. M. (2023). Merokok Dalam Kampus: Ancaman Dan Kesalahan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (33), 92-101.

DOI: 10.35631/IJLGC.833008

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Institusi pendidikan tinggi merupakan salah satu tempat larangan merokok yang disenaraikan dalam Peraturan 11(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Larangan merokok ini adalah munasabah berikutan institusi pendidikan tinggi merupakan medan ilmu dimana keadaan persekitaran harus bersih dan sihat. Objektif artikel ini adalah membincangkan amalan merokok dalam kampus yang merupakan satu kesalahan serta mampu memberikan ancaman kesihatan kepada perokok dan penghidu asap rokok. Selain itu, amalan merokok dari sudut agama Islam turut diperhalusi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dan deskriptif. Kajian mendapati bahawa terdapat risiko dan kesan negatif apabila larangan merokok ini tidak dipatuhi oleh sesetengah pihak. Antaranya kualiti udara persekitaran di kampus menjadi tidak sihat dan memberi ancaman kesihatan kepada perokok juga individu berhampiran. Di peringkat institusi pendidikan tinggi, tindakan seperti denda atau kompaun boleh dilaksanakan seperti yang termaktub dalam peraturan dan garis panduan institut tersebut. Kajian ini turut mendapati bahawa agama Islam melarang perbuatan merokok. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar usaha menguatkuasakan undang-undang dapat dipertingkatkan, dilaksanakan serta tindakan tegas dikenakan kepada perokok yang merokok di dalam institusi pendidikan tinggi.

**Kata Kunci:**

Rokok, Kesalahan, Ancaman, Kesehatan, Kampus

**Abstract:**

Higher education institution is one of the smoking ban places listed in Regulation 11(1) of the Control of Tobacco Product Regulations 2004. The ban is reasonable as higher education institutions are places to acquire knowledge so the environment must be kept clean and healthy. The objective of this article is to discuss the offence of smoking on campus which can pose a direct health threat to smokers and passive smokers too. In addition, the practice of smoking from the point of view of Islam is also investigated. This study employs qualitative methods through library based and descriptive research. It is found that there are risks and negative effects when the respective parties do not observe the smoking ban. Among them, the air quality on campus becomes unhealthy thus posing a health threat to smokers and the individuals nearby. At the higher education institution level, actions such as fines or compounds can be implemented as stipulated in the rules and guidelines of the institution. This study validates the notion of smoking prohibition in Islam. Therefore, it is proposed that efforts to enforce the law can be improved, and strict action should be implemented and imposed on smokers who smoke on higher education premises.

**Keywords:**

Cigarettes, Offenses, Dangers, Health, and Campus

**Pengenalan**

Diawal pengenalan tembakau, rokok digulung dengan menggunakan kertas secara berbentuk silinder. Kini, rokok moden yang dikenali sebagai rokok elektronik atau *vape* telah menjadi pilihan tanpa mengira status jantina dan usia. Kedua-dua jenis rokok ini tetap mendatangkan mudarat secara tidak langsung bukan sahaja kepada perokok tetapi juga terhadap individu yang terdedah dengan perokok. Aktiviti merokok ini sering dikaitkan dengan gaya hidup, tingkah laku dan keseimbangan hidup seseorang.

Gejala merokok yang berleluasa tanpa mengira tempat larangan merokok menyebabkan bahaya kepada tubuh badan perokok serta persekitaran mereka. Amalan merokok kini tidak lagi mengenal demografi. Perokok terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan, dewasa dan kanak-kanak juga tua dan muda. Walaupun tidak melakukan kesalahan jenayah, amalan merokok adalah perbuatan yang tidak menyenangkan sekiranya berlaku di tempat awam dan kawasan larangan merokok. Terdapat golongan perokok yang tidak mengendahkan keresahan orang sekeliling dengan merokok di kawasan yang tidak dibenarkan. Berdasarkan kajian A Rahim, Mohamad Yatim, & Saidi (2017), Yahaya, Md Akhir, & Sulaiman (2018) dan Mohd Gaid, Mohamad Zain, Ab Rahman, & Kasim, (2022), faktor psikologi, biologi, pengaruh sosial, faktor persekitaran, pengaruh rakan sebaya, pengaruh ibu bapa, tekanan, masalah peribadi serta sifat ingin tahu menjadi penyebab kepada tabiat merokok.

Di bawah Peraturan 11(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, terdapat 20 tempat larangan merokok. Namun begitu, pada 1 Januari 2019, Kementerian Kesihatan

Malaysia (“KKM”) telah menggariskan 23 tempat larangan merokok antaranya dalam mana-mana kawasan taman awam kecuali tempat letak kereta awam terbuka; kawasan keagamaan; kawasan taman asuhan kanak-kanak; premis kerajaan; dalam mana-mana lapangan terbang; di mana-mana kawasan institusi pendidikan termasuklah institusi pendidikan tinggi. Namun begitu, sejauh mana perokok cakna dan akur terhadap larangan ini kerana masih berlakunya kepincangan dalam masyarakat dimana perokok tidak mengendahkan papan tanda larangan merokok di kawasan tersebut. Objektif artikel ini adalah membincangkan amalan merokok dalam kampus yang merupakan satu kesalahan serta mampu memberikan ancaman kesihatan kepada perokok dan penghidu asap rokok. Selain itu, amalan merokok dari sudut agama Islam turut diperhalusi di dalam artikel ini.

### Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dan deskriptif digunakan. Kajian kualitatif memfokuskan kepada pemahaman dan penerangan yang terperinci dan jelas ke atas perkara yang dikaji (Yahaya et al., 2018). Kajian kepustakaan ini menggunakan sekunder data iaitu dengan mengkaji sumber-sumber literatur yang diperolehi melalui artikel, jurnal, kertas prosiding, hadis dan al-quran, laman sesawang, buku dan sumber lain yang berkaitan. Ulasan karya terhadap sumber ini dibuat berkaitan dengan topik kajian dan perbincangan. Teknik yang dilakukan dalam artikel ini adalah mengumpul data, menganalisis data dan membuat perbincangan serta rumusan dapatan kajian berdasarkan data-data yang telah dianalisis.

### Definisi Rokok dan Penggunaan

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 mentafsirkan “rokok” sebagai “*apa-apa hasil yang mengandungi keseluruhannya atau sebahagiannya tembakau yang dipotong, dicarik, atau dikilang, atau apa-apa terbitan atau pengganti tembakau, yang digulung di dalam pembalut kertas tunggal atau lebih, dan yang boleh digunakan dengan serta merta untuk merokok.*” Seksyen 2 Akta Makanan 1983 mentafsirkan “tembakau” ialah “*apa-apa hasil yang diperolehi daripada daun pokok *Nicotiana Tobacum* atau pokok-pokok berkaitan yang lain dan termasuklah apa-apa hasil tembakau.*”

Rokok dan rokok elektronik (e-cig) merupakan satu alat yang boleh menyebabkan ketagihan kepada pengamalnya. Rokok ialah tembakau yang dibalut atau digulung dengan pelbagai cara sama ada menggunakan kertas atau daun nipah. Tembakau dan produk tembakau merupakan komoditi dagangan yang dikawal di bawah undang-undang antarabangsa iaitu *WHO Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC) (Malaysia, 2022). Rokok elektronik (e-cig) atau sering dikenali dengan *vape* telah diperkenalkan pada era baharu dan mendapat tempat dalam kalangan pengamalnya kerana ianya dikatakan alternatif baharu yang dapat menggantikan rokok. Menurut Mahmood Nazar et al., (2017), rokok elektronik ini merupakan inovasi dari bentuk rokok konvensional iaitu rokok biasa kepada rokok moden. Rokok elektronik ini menggunakan cecair nikotin yang dapat mengeluarkan wap. Terdapat pelbagai perisa yang dijual di pasaran. Malahan, kedai yang menjual rokok elektronik bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan sejak akhir ini.

### Merokok dalam Kampus Merupakan Ancaman dan Kesalahan

“Merokok” didefinisikan sebagai “*menyedut dan menghembus asap apa-apa hasil tembakau dan termasuklah memegang atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa hasil tembakau yang bernyala*” menurut Peraturan 2 dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

Pencemaran udara yang disebabkan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab seperti merokok di tempat yang tidak dibenarkan memberi implikasi dan ancaman terhadap keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan. Menurut Mohd Samin (2015), pendedahan asap rokok boleh berlaku di tempat-tempat seperti tempat awam, tempat kerja, rumah dan kenderaan. Perbuatan sebegini memberi kesan kerana melibatkan kepentingan awam. Asap yang dikeluarkan oleh tembakau boleh menyebabkan kecacatan dan kematian dalam kalangan mereka yang terdedah walaupun mereka bukan perokok (Mohd Samin, 2015). Masyarakat perlu diberikan hak menikmati udara yang bersih (Ilhamsyah, Tjoetra, & Ikhsan, 2020). Artikel 8 WHO (FCTC) telah memperkenalkan prinsip melindungi golongan bukan perokok daripada bahaya asap rokok (Malaysia, 2022). Justeru, pendedahan asap rokok oleh perokok memberi kesan dan ancaman untuk orang lain menikmati aliran udara yang segar. Tidak hanya rokok biasa yang mengeluarkan asap melalui tembakau yang dibakar, asap rokok elektronik yang mengeluarkan pelbagai aroma ada kalanya berbau wangi bergantung kepada perisa yang digunakan juga turut menyebabkan ketidakselesaan kepada orang lain yang tidak merokok tetapi terpaksa menghidu bau tersebut disebabkan berada berhampiran dengan perokok.

Tabiat merokok mendatangkan pelbagai risiko kesihatan (Syed Ali, Zulkarnain, & Rengasamy, 2007). Kebimbangan tabiat merokok di Malaysia menjadi isu yang dibahaskan kerana ia memberikan implikasi yang tidak baik terutama dari segi ekonomi dan kesihatan (Mohd Gaid et al., 2022). Selain itu, amalan yang tidak mendatangkan faedah ini telah menyebabkan kerajaan terpaksa memperuntukkan belanja yang besar bagi menanggung kos perubatan akibat mudarat kesihatan ini (Bakar, Syed Mohamad, Yusof, & Zainol Abidin, 2022). Fakta ini disokong dengan kajian Maarof & Osman (2013) bahawa setengah juta kes penyakit koronari jantung di Malaysia adalah berpunca daripada tabiat merokok dan telah menyumbang satu kematian daripada setiap lima kematian di Malaysia.

Bahaya merokok tidak dapat dirasakan dalam jangka masa singkat kerana ianya mengambil masa sehingga pengamalanya mula berasa tidak sihat kesan merokok (Lianzi & Pitaloka, 2014). Kandungan rokok yang mengandungi pelbagai jenis bahan kimia merupakan salah satu ancaman kesihatan kepada perokok itu sendiri. Perokok sering merasakan lidah mereka pahit setiap kali merokok selain mengalami gangguan kesihatan seperti demam, darah tinggi, batuk, sakit dada dan sakit kepala (Anggraini, Larasati, & Wahyuni, 2013). Selain itu, merokok boleh mengakibatkan perokok mengalami pelbagai penyakit seperti kanser, strok, gangguan pembuluh darah dan menurunkan tahap kesuburan (Wardhana & Susanto, 2021).

Berdasarkan kajian Putra & Widarsa (2018), terdapat 4000 jenis bahan kimia yang terkandung di dalam rokok yang menyebabkan pelbagai penyakit. Antara bahan kimia yang terdapat dalam kandungan rokok adalah nikotin. Nikotin dapat membuatkan jantung manusia perlu bekerja lebih sehingga boleh menyebabkan kegagalan jantung. Mohd Samin (2015) dalam kajiannya menegaskan bahawa asap yang dikeluarkan oleh tembakau menyebabkan pengguna tegar berhadapan dengan maut. Penggunaan rokok elektronik pula memberi kesan kesihatan seperti sakit kepala, sakit-sakit sendi, mudah berasa bosan, kecewa, marah, kesukaran berfikir, sukar membuat pilihan dan sukar membuat keputusan (Mahmood Nazar et al., 2017). Namun begitu, menurut Yahaya, Md Akhir, & Sulaiman (2018), masyarakat kini masih ramai yang terus merokok tanpa mengendahkan kesan tersebut.

Institusi pendidikan tinggi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan warganya yang sensitif terhadap persekitaran dan sekeliling. Hal ini termasuklah mendidik warganya memahami hal berkaitan dengan peraturan dan kesan akibat melanggar peraturan tersebut.

Bakar et al., (2022) mencadangkan agar persekitaran yang sesuai perlu diwujudkan bagi membimbing masyarakat ke arah penjagaan kesihatan yang lebih baik. Justeru, menerapkan nilai-nilai murni dan mendidik warga kampus agar menjauhi rokok merupakan persekitaran yang sesuai untuk dilaksanakan.

Nor Muhamad & A. Rashid (2017) menyatakan bahawa pendidikan adalah menyalurkan maklumat, pengetahuan atau perspektif serta sudut pandangan ilmiah dalam bidang ilmu. Akademik dan sahsiah merupakan perkara yang saling dikaitkan dengan institusi pendidikan tinggi. Bagi melahirkan warga yang sihat, celik ilmu dan cakna dengan persekitaran, pelbagai usaha yang berterusan dilaksanakan bagi membanteras gejala merokok di institusi pendidikan tinggi. Namun, masih ada segelintir yang melanggar peraturan dan tidak mengendahnya. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Arisani, Hermawan, & Nurhadi (2023), didapati terdapat mahasiswa yang cenderung merasai keinginan dan cuba merokok kerana sering melihat rakan mahasiswanya yang lain merokok.

Bagi meningkatkan kesedaran, A Rahim et al., (2017) menyarankan agar kawasan larangan merokok di dalam institusi pendidikan tinggi harus diwartakan dan pelanggaran peraturan ini boleh dikenakan tindakan. Ketegasan pihak universiti dengan memasang larangan merokok di semua fasiliti kampus dilaksanakan sebagai langkah melarang kepenggunaan rokok (Mulyana & Thaha, 2013).

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, senarai kawasan larangan merokok yang diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti berikut 11(1) tiada seseorang pun boleh merokok (j) di mana-mana kawasan di dalam suatu institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi. Menurut Peraturan 11(3), sesiapa yang melanggar 11(1) telah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Bahagian 1 dalam Peraturan tersebut mentafsirkan “institusi pendidikan tinggi” sebagai “*institusi pendidikan sama ada swasta atau awam yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau setaraf, dan pusat pengajian jarak jauh.*” Bahagian IV, Peraturan 11(2) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 telah memperuntukkan bahawa Menteri boleh meluluskan mana-mana kawasan sama ada secara tetap atau bagi tempoh yang ditentukan olehnya sebagai kawasan merokok apabila permohonan dibuat.

Setiap institusi pendidikan tinggi mempunyai peraturan khusus bagi larangan dan kesalahan merokok dalam kawasan kampus. Contohnya setiap kali prosiding tatatertib pelajar, didapati kes merokok dan *vape* sama ada memiliki, atau menggunakannya tidak akan terkecuali. Terdapat kes di mana pelajar telah di tangkap kerana melakukan kesalahan tersebut di kolej kediaman atau di kawasan larangan dalam kampus. Sekiranya disabit salah, mereka boleh dikenakan amaran dan denda bergantung kepada peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan di institusi tersebut.

Akta Institusi-Institusi Pelajaran Tatatertib 1976 (Akta 174) memperuntukkan mengenai perkara yang berkaitan dengan tatatertib dalam institusi pelajaran. Kaedah 3(b) dibawah Jadual Kedua Kaedah-kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976, “*seseorang pelajar tidak boleh melanggar mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang bertulis sama ada di dalam atau di luar kampus.*” Pelajar yang memiliki, mengedar atau menghisap rokok di

dalam kampus telah melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dan boleh diambil tindakan berdasarkan Kaedah 3(b) Akta 174 ini.

Pelbagai pihak telah bekerjasama dan berganding bahu membendung amalan merokok seperti mengadakan kempen kesedaran akan bahaya merokok sebagai usaha membendung peningkatan tabiat merokok setiap tahun (Maarof & Osman, 2013). Sebagai masyarakat yang prihatin dan menginginkan kesejahteraan negara, masalah rokok yang semakin meluas perlu diatasi (Mohd Gaid et al., 2022). Walaubagaimanapun, menurut Bakar et al., (2022), sikap perokok itu sendiri yang tidak menghormati dasar kerajaan menjadi punca kegagalan utama program larangan merokok.

Di Malaysia, dalam permohonan semakan kehakiman kes Mohd Hanizam & yang lain lwn. Kementerian Kesihatan Malaysia [2020] 1 LNS 243, Mahkamah menyatakan bahawa *“tiada undang-undang menghalang atau mengharamkan pemohon-pemohon daripada merokok sama sekali dalam semua keadaan. Namun begitu, meskipun pemohon-pemohon dan/atau perokok lain boleh merokok, tidak semestinya mereka boleh merokok di mana-mana sahaja mengikut kehendak mereka melainkan tertakluk kepada tempat-tempat yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok.”*

Walaupun terdapat peraturan dan larangan merokok di dalam kawasan-kawasan yang telah diwartakan, namun begitu, perokok masih tegar melanggar peraturan tersebut. Penguatkuasaan undang-undang di Malaysia terhadap pelanggaran merokok di tempat larangan amat diperlukan dan dilaksanakan dengan tegas. Syed Ali et al., (2007) menyatakan bahawa penguatkuasaan peraturan perlu diberi penekanan.

### **Merokok Dari Sudut Agama Islam**

Merokok adalah perkara yang diharamkan dalam perundangan Islam. Pengharaman rokok di Malaysia adalah berdasarkan kepada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan fatwa negeri-negeri kerana urusan Hal Ehwal Islam berada di bawah naungan raja-raja sepertimana termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3. Pengharaman rokok, rokok elektronik dan vape telah disepakati oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan fatwa-fatwa negeri Pulau Pinang, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Perlis, Wilayah Persekutuan, Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak (JAKIM, t.ta; b; Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2022; Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, t.t; 2020; Jabatan Mufti Negeri Selangor,1995).

Terdapat negeri seperti Pulau Pinang, Selangor dan Johor mengambil pendekatan mewartakan fatwa pengharaman rokok, rokok elektronik dan vape yang memberi implikasi perundangan untuk dikuatkuasakan fatwa ini. Manakala negeri-negeri lain tidak mewartakan fatwa pengharaman rokok. Kesemua negeri yang mengharamkan penggunaan rokok, rokok elektronik dan vape adalah bersandarkan kepada ketetapan dalil dan kaedah berikut (JAKIM, t.ta; b; Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2022; Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, t.t; 2020; Jabatan Mufti Negeri Selangor,1995):

- i. Al-Quran. Antara ayat-ayat al-Quran yang menjadi asas kepada penentuan hukum pengharaman rokok adalah surah al-Baqarah ayat 19, surah al-A'raf ayat 157, surah an-Nisa' ayat 29 dan surah al-Isra' ayat 26-27.

- ii. Hadis. Antara hadis yang dirujuk adalah hadis riwayat Ahmad, Malik, Ibn Majah dan al-Daraqutni iaitu “ *Tidak boleh memberi mudarat dan membalas dengan kemudharatan*” dan hadis riwayat Ahmad dan Ibnu Majah iaitu “ *tidak boleh memudaratkan (diri sendiri) dan memberikan kemudharatan (kepada orang lain)*”.
- iii. *Qiyas*. *Qiyas bermaksud* menghubungkan sesuatu perkara yang tidak ada nas hukumnya kepada perkara yang ada nas hukumnya kerana keduanya mempunyai persamaan ‘illah hukum (Dinata, 2020). Oleh itu, *qiyas* dalam menentukan hukum rokok adalah perkara *asal* iaitu meminum bahan-bahan beracun manakala perkara *furu’* menggunakan rokok elektronik dan vape dengan persamaan ‘illah iaitu memudaratkan atau membinasakan tubuh badan dan menjadikan hukum rokok adalah adalah haram.
- iv. *Maslahah*. Pengharaman rokok adalah untuk memelihara lima *maqasid al-syariah* (objektif syariah) iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
- v. *Sadd Dzarai’* iaitu menutup pintu kerosakan. Ini bermakna menyekat sesuatu yang boleh membahayakan diri seseorang adalah perlu dijauhi dan perkara-perkara yang sangat terdedah kepada kemudharatan yang besar ditutup melalui penetapan hukum haram. Oleh itu, rokok diharamkan bagi menghalang kepada kemudharatan yang lebih besar seperti kegiatan pengedaran ganja dan dadah yang berbahaya.
- vi. Kaedah-kaedah Fiqh. Dalam menentukan hukum pengharaman rokok maka beberapa kaedah fiqh dirujuk. Antaranya adalah *درء المفاسد مقدم على جلب المصالح* (menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan), *وسد أبواب ذرائع الفساد* (menutup pintu kerosakan), *تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة* (tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah bergantung kepada masalah), *لا ضرر و لا ضرار* (tidak mudarat dan tidak boleh memberi mudarat) dan *الأصل في الأشياء الإباحة* (asal bagi sesuatu perkara adalah harus).
- vii. Ulama’ silam dan kontemporari. Pengharaman rokok juga bersandarkan kepada penetapan hukum oleh ulama’-ulama’ silam dan kontemporari.

Islam menganjurkan manusia agar mengambil makanan dan minuman yang baik, bersih dan halal. Berdasarkan surah al-Mukminun (23):51, Allah berfirman “*Wahai rasul-rasul makanlah benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal yang soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*” Begitu juga dalam dalam surah al-Baqarah (2):168, Allah SWT berfirman “*Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang terang nyata bagi kamu.*”

Menerusi ayat al-Quran di atas, Islam mengajar manusia agar berhati-hati dalam memiliki dan mengambil sumber makanan yang halal kerana memberi impak kepada kehidupan individu pada sudut spiritual dan fizikal. Ibn Kathir dalam menafsirkan surah al-Mukminun ayat 51 menjelaskan Allah SWT memerintahkan para rasul memakan makanan yang halal (*tayyibah*) dan pada masa yang sama mengerjakan amal kebaikan. Tuntutan mengambil makanan yang halal sangat ditekankan dalam Islam kerana sumber makan turut memberi kesan kepada jiwa manusia dalam melakukan amal kebaikan. Jiwa yang berkembang dari sumber halal akan cenderung mentaati dan menjauhi sesuatu perkara yang melanggar peraturan agama (Ibn

Kathir, 2000). Ibn Kathir turut menjelaskan, Islam merupakan agama yang memberikan kebebasan kepada umat manusia dalam mencari sumber rezeki yang halal, namun terdapat peraturan yang perlu dipatuhi. Dalam menafsirkan surah al-Baqarah ayat 168, Ibn Kathir menjelaskan Islam membenarkan manusia mengambil makanan halal di bumi ini melainkan terdapat larangan yang memberi mudarat kepada kesihatan tubuh badan, akal, dan perkara yang mengikuti langkah-langkah syaitan (Ibn Kathir, 2000). Ini menunjukkan larangan tersebut bertujuan memberi keutamaan untuk menjaga kesejahteraan diri manusia pada aspek fizikal dan spiritual. Nabi s.a.w yang menjelaskan doa dan ibadah seorang muslim akan terhalang disebabkan sumber makanannya dari sesuatu yang haram (Sahih Muslim). Oleh yang demikian, menjadi hujah utama bahawa menjadi tuntutan kepada umat Islam untuk mengambil suatu sumber makanan halal dan menjauhi perkara syubhah serta haram dalam kehidupan.

### **Kesimpulan**

Bebas asap rokok merupakan inisiatif bagi mendapatkan udara bersih selari dengan penubuhan institusi pendidikan mendidik dan memperkenalkan gaya hidup yang sihat. Melahirkan generasi yang berkualiti dan sihat adalah tunjang institusi pendidikan tinggi. Dalam melestarikan kehidupan yang harmoni dan sihat, tindakan pencegahan perlu diambil kerana perbuatan merokok di tempat atau kawasan larangan memberi mudarat kepada insan lain yang berada di sekeliling perokok. Setelah pendekatan pencegahan telah dilaksanakan dan didapati masih berlaku pelanggaran peraturan tersebut, maka penguatkuasaan undang-undang perlu dilaksanakan dengan tegas. Undang-undang tidak hanya ditulis tetapi haruslah dikuatkuasakan seperti mana yang telah diperuntukkan. Tidak dinafikan walaupun nilai kompaun dan denda kepada pelaku adalah ringan kerana ianya bukan merupakan kesalahan jenayah; namun kesihatan setiap manusia harus dipelihara kerana mereka juga mempunyai hak menikmati udara yang bersih dan sihat.

### **Penghargaan**

Pengkaji merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dan menyumbang kepada penghasilan kajian ini. Adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak.

### **Rujukan**

- A Rahim, N., Mohamad Yatim, N., & Saidi, M. E. (2017). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tabiat Merokok dalam Kalangan Pelajar Aliran Teknikal Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sinar Pembelajaran Sepanjang Hayat*, 49–62. Malaysia: Kolej Komuniti Melaka & Negeri Sembilan.
- Akta Institusi-Institusi Pelajaran Tatatertib 1976
- Akta Makanan 1983
- Anggraini, F. D., Larasati, T., & Wahyuni, A. (2013). Hubungan Larangan Merokok Di Tempat Kerja Dan Tahapan Smoking Cessation Terhadap Intensitas Merokok Pada Kepala Keluarga Di Kelurahan Labuhan Ratu Raya Kota Bandar Lampung Tahun 2012. *Medical Journal of Lampung University*, 2(4), 61–69. Retrieved from <http://juke.kedokteran.unila.ac.id/index.php/majority/article/view/63/62>
- Arisani, A. M. B., Hermawan, Y., & Nurhadi. (2023). Wanita dan Rokok (Studi Fenomenologi Dramaturgi Perilaku Merokok Mahasiswi Universitas Sebelas Maret). *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 7(1), 230–236.
- Bakar, J., Syed Mohamad, S. I., Yusof, H., & Zainol Abidin, I. Z. (2022). Tinjauan Literatur Berkaitan Tahap Pengetahuan, Sikap dan Persepsi Orang Awam terhadap Dasar



- Larangan Merokok oleh Kementerian Kesehatan Malaysia. *Jurnal Sains Kesehatan Malaysia*, 20(2), 63–68. <https://doi.org/10.17576/jskm-2022-2002-07>
- Dinata, M. F. (2020). Qiyas sebagai Metode Penetapan Hukum Islam. *Al-Ilmu*, 5(2), 168-181.
- Ibn Kathir, `Imad al-Din Abi al-Fida `Isma`il b. Kathir al-Dimasyqi (2000), *Tafsir al-Qur`an al-`Azim*, c.1, j.2 & 10. Kaherah : al-Faruq al-Hadithah lil Tiba`ah Wa al-Nasyar.
- Ihamsyah, F., Tjoetra, A., & Ikhsan. (2020). Larangan Merokok di Mata Mahasiswa: Studi Tentang Kebijakan Larangan Merokok di Tempat Umum. *Jurnal Public Policy*, 6(1), 31. <https://doi.org/10.35308/jpp.v6i1.1610>
- Jabatan Mufti Negeri Perlis (2022). *Fatwa Tentang E-Cigarette Dan Vape*. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/714-fatwa-tentang-e-cigarette-dan-vape>
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (t.t). *Sistem e-fatwa*. <http://efatwa.penang.gov.my/index2.php#>
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (2020). *Warta Kerajaan*. <https://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-48-39/fatwa/warta/502-fatwa-mengenai-pengharaman-rokok-shisha-vape-dan-rokok-elektronik/file>
- Jabatan Mufti Negeri Selangor (1995). *Warta Kerajaan*. <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-tahunan/pewartaan/1995-1999/260-fatwa-tentang-merokok>
- JAKIM (t.ta). *Keputusan Carian Fatwa – Rokok*. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3>
- JAKIM (t.tb). *Keputusan Carian Fatwa – Vape*. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3>
- Lianzi, I., & Pitaloka, E. (2014). Hubungan Pengetahuan Tentang Rokok dan Perilaku Merokok pada Staf Administrasi Universitas Esa Unggul. *Jurnal Inohim*, 2(1), 67–81.
- Maarof, D. D., & Osman, M. N. (2013). Pengaruh Faktor Sosial Kesan Kempen Media Tak Nak Merokok Kementerian Kesehatan Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 179–198. Retrieved from [http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf\\_files/2013/V29\\_1\\_179-198.pdf](http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2013/V29_1_179-198.pdf)
- Mahmood Nazar, M., Sabitha, M., Asmak, A. R., Zalkepli, M. R., Mohamad Hashim, O., Noor Azniza, I., ... Edris, A. (2017). Profil Pengguna, Amalan dan Kesan Menghisap Vape di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 20, 151–169.
- Malaysia, K. K. (2022). KOSPEN WOW - Skop Amalan Tidak Merokok. Retrieved August 3, 2023, from [moh.gov.my website: https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2398](https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2398)
- Mohd Gaid, S. N., Mohamad Zain, F., Ab Rahman, F., & Kasim, M. (2022). Faktor Mempengaruhi Kegiatan Merokok dalam Kalangan Pelajar Sekolah dan Tindakan Kaunselor dalam Menanganinya. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 154–167. <https://doi.org/10.35631/ijepc.746014>
- Mohd Samin, A. S. (2015). *Penilaian Kualiti Udara Dalam Yang Berkaitan Dengan Pendedahan Asap Rokok Basi Di Premis-Premis Awam Di Pulau Pinang*. Universiti Sains Malaysia.
- Muliyana, D., & Thaha, I. L. M. (2013). Faktor Yang Berhubungan Dengan Tindakan Merokok Pada Mahasiswa Universitas Hasanuddin Makassar. *Media Kesehatan Masyarakat Indonesia Universitas Hasanuddin*, 9(2), 109–119.
- Nor Muhamad, N. H., & A. Rashid, Z. (2017). Peraturan dan Undang-Undang Kawalan Disiplin Murid di Malaysia. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 1–11. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v1i1.106>
- Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004

- Putra, D. M., & Widarsa, I. K. T. (2018). Tingkat Pengetahuan Tentang Rokok dan Kawasan Tanpa Rokok Mahasiswa yang Merokok di Kampus. *WMJ (Warmadewa Medical Journal)*, 3(1), 27–32. <https://doi.org/10.22225/wmj.3.1.643.27-32>
- Syed Ali, S. K., Zulkarnain, S., & Rengasamy, S. (2007). Program Pemulihan Amalan Tabiat Merokok dalam kalangan Remaja di Sekolah. *Masalah Pendidikan*, 30(1), 89.
- Wardhana, I. L., & Susanto, A. D. (2021). Hubungan Tingkat Pengetahuan Mahasiswa Universitas Indonesia Terhadap Kebiasaan Merokok. *Essential: Essence of Scientific Medical Journal*, 18(2), 5–10. <https://doi.org/10.24843/estl.2020.v18.i02.p06>
- Yahaya, M., Md Akhir, N., & Sulaiman, M. N. (2018). Faktor tingkah laku merokok dalam kalangan mahasiswa universiti. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21(2), 37–44.